

# Anwar adakan dialog terbuka jawab pelbagai soalan panas

PM luangkan masa lebih sejam bersama pengarang kanan media pelbagai penerbitan dari seluruh negara

Oleh Najmuddin Najib dan Nuradzimmah Daim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam mengadakan sesi dialog secara terbuka bersama pengarang kanan media elektronik, cetak serta dalam talian di negara ini.

Sesi berlangsung lebih sejam di Kompleks Seri Perdana, di sini itu membabitkan wartawan pelbagai penerbitan di seluruh negara dengan Perdana Menteri diujani pelbagai soalan panas, bermula daripada unjuran ekonomi negara untuk tahun depan, hubungan Kerajaan Perpaduan dengan UMNO menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16), hubungan beliau bersama bakal Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Iskandar dan lain-lain.

Berikut antara isu dibangkitkan pada sesi dialog:

## Kebebasan bersuara dan keutamaan memasuki 2024

Walaupun kebebasan bersuara dihormati pentadbirannya, Perdana Menteri berkata, ia tidak sepatutnya disalah guna.

Memetik contoh beberapa pendakwah Islam, katanya pemikiran sempit dan berpolitik mereka boleh membawa tingkah laku yang menghakimi dalam kalangan rakyat.

"Walaupun (menyokong) kebebasan bersuara, kita mesti mematuhi undang-undang. Kita sedia maklum, negara-negara Islam musnah kerana unsur ini," katanya.

Mengakui Islam dan politik berjalan seiring, Anwar berkata, menghina dan mengutuk orang lain sama sekali tidak mewakili sifat politik Islam.

Beberapa 'ustaz' (pendakwah agama), katanya, menyuarakan kemarahan mereka, mendakwa mereka dilarang menggunakan masjid untuk tujuan politik.

Ia adalah perkara dititahkan Raja-Raja Melayu sebelum beliau menjadi Perdana Menteri.

"Ada keadaan, yang mana imam meminta saya menyampaikan tazkirah ketika melawat masjid. Saya terpaksa menolak dengan hormat kerana walaupun



Anwar pada sesi dialog secara terbuka bersama pengarang kanan media elektronik, cetak serta dalam talian di negara ini di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

sebagai Perdana Menteri dan bercakap atas kapasiti itu, saya tidak mahu memberi peluang kepada orang lain menuduh saya membenarkan segelintir (bercakap mengenai politik di masjid) dan tidak bagi orang lain," katanya.

## Mengenai ulama

Anwar berkata, beliau menghormati ulama, kecuali mereka yang memberi pandangan kebiasaan (dan) mengarut, yang terang-terangan berpolitik dan menukar 'fatwa' mereka setiap minggu, tetapi tidak boleh jika dipertikalkan.

Begitu juga, kata beliau, salah satu ucapannya diambil di luar konteks oleh beberapa pendakwah apabila memetik ayat al-Quran mengenai Ashabul Kahfi, iaitu kisah tujuh pemuda di dalam sebuah gua.

Apabila Perdana Menteri tidak membaca al-Quran, mereka menuduhnya liberal, tetapi apabila beliau membacanya, mereka mentafsir ayat berkenaan hanya seperti yang mereka maksudkan.

Anwar berkata, walaupun Perdana Menteri tidak dapat lari daripada dikritik, beliau mempersoalkan pihak yang melabelnya sebagai 'sesat dan menyesatkan'.

Beliau berkata, hasratnya untuk mengajak orang Islam dan bukan Islam menghayati unsur dalam al-Quran yang menunjukkan penghormatan kepada agama dahulu termasuk Kristian, tetapi dikutuk sebagai mengingkari prinsip agama.

"Bagaimana anda menangani kerumitan itu? Dalam jawapan saya, saya mencadangkan untuk mengakui hakikat bahawa cabarannya masih isu fanatik, tidak rasional menggunakan ketaksukan agama," katanya.

## Cubaan pembangkang pengaruhi Sarawak

Pertemuan bersama Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, penting kerana membincangkan isu pelaburan, tenaga boleh diperbaharui dan potensi besar dimiliki Sarawak, lebih besar daripada dianggarkan pada peringkat awal.

Mereka juga membincangkan tahap kekuatan dan perpaduan dalam Kerajaan Persekutuan.

Anwar berkata, Abang Johari turut berkongsi bagaimana beliau menolak percubaan mempengaruhi Sarawak daripada menyokong Kerajaan Persekutuan, malah tidak akan melayan sebarang perbincangan mengenai perkara yang membawa perpecahan antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Anwar berkata, sebarang percubaan 'tebuk atap' untuk menubuhkan kerajaan baharu, hanya akan mempunyai asas jika diberi peluang oleh kedua-dua negeri itu.

Perdana Menteri berkata, Abang Johari berhasrat menutup episod itu sama sekali, justeru kemungkinan seumpama itu sudah terhapus.

## Ekonomi, transformasi digital dan babasa Melayu

Pada 2024, tumpuan akan diberikan kepada kekuatan ekonomi termasuk dalam menarik pelaburan domestik dan asing, yang dikaitkan dengan tadbir urus baik, kemudahan menjalankan perniagaan dan mengurangkan kerenah birokrasi.

Perdana Menteri berkata, perubahan mesti dilakukan bukan saja dalam peralihan tenaga dan transformasi digital, tetapi juga mesti membabitkan anjakan paradigma yang kukuh.

Mengenai pendidikan, penguasaan bahasa Melayu perlu diper-

tahankan, manakala bahasa Inggeris turut diberi penekanan tahun hadapan.

"Kualiti latihan, sama ada dalam TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional), AI (kecerdasan buatan) mesti dipertingkatkan lagi.

"Program ekonomi adalah berkaitan isu yang saya nyatakan dalam prinsip negara MADANI, seperti meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, pendidikan dan penguasaan disiplin baharu seperti AI.

"Fokus kita untuk mengurus, memperbaiki dan mempertingkatkan negara. Kita tidak begitu jauh ketinggalan (berbanding negara lain), jadi kita perlu menangani kelemahan kita dan menambah baik," katanya.

## Kritikan terhadap Kabinet

Perdana Menteri tidak menafikan beberapa anggota Kabinet pertamanya mengambil masa dan bergelut dengan beberapa tanggungjawab baharu mereka.

Beliau menasihati mereka bersedia mendengar daripada Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah, serta mempunyai kumpulan rakan alternatif yang boleh menasihati mereka dan menjadi lebih kritis.

Bagaimanapun menteri tidak seharusnya mengatasi pentadbiran kerajaan.

Selepas setahun, terdapat pemahaman lebih baik mengenai bagaimana beberapa isu melangkaui satu kementerian.

Transformasi digital, sebagai contoh, merangkumi seluruh kerajaan dan negara.

Anwar juga berkata, bakat dan kepakaran tempatan mesti dibabitkan sama dan melengkapi sektor kerajaan serta mengintegrasikan bersinergi dengan pakar asing.

Beliau memuji Timbalan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang memengerusikan jawatankuasa untuk mengintegrasikan program TVET yang mana kerajaan membelanjakan RM6.8 bilion setahun untuk sektor itu di pelbagai kementerian dan jabatan.

Anwar juga berkata, negara mempunyai kapasiti untuk melaksanakan peralihan tenaga, termasuk dalam tenaga hijau dan boleh diperbaharui, namun masih perlu mengadakan perjanjian dengan syarikat asing dari segi perkongsian kepakaran.

Kerajaan akan meneruskan projek HSR Kuala Lumpur-Singapura jika ia dapat mengurangkan kos dengan ketara.

Perdana Menteri berkata, walaupun keputusan muktamad belum dibuat, kerajaan pada dasarnya bersetuju menghidupkan semula projek itu dan memaklumkan perkara itu kepada Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Kerajaan perlu melihat semula perbelanjaan bagi projek berkenaan kerana harus memberi tumpuan kepada bidang lain yang memerlukan perhatian seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, projek infrastruktur dan peningkatan perbelanjaan bagi Sabah dan Sarawak.

"Kita membayar penalti (untuk pembatalan projek) yang tidak masuk akal. Jika kita meneruskannya, kita mungkin akan memastikan pengambilalihan bermula dengan pantas, jika tidak kos akan meningkat lagi," katanya.

Projek dengan anggaran awal RM72 bilion tidak berjalan kerana kedua-dua negara gagal mencapai kata sepakat, sebelum perjanjian projek tamat pada 31 Disember 2020.

Berhubung cadangan pembentukan Majlis Media Malaysia, Perdana Menteri berkata, kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan penubuhannya dengan Kementerian Komunikasi sedang merangka dasar dan parameter.

Anwar menyentuh bagaimana roda berputar membawa segelintir orang berkuasa terbabit rasuah dengan umum tahu beberapa individu 'tidak disentuh' bertahun-tahun kerana dianggap terlalu berkuasa.

"Kita perlu beri isyarat jelas bahawa tiada sesiapa yang mengatasi undang-undang. Jangan main-main isu rasuah, boleh jadi Tun atau Tan Sri, tapi kita akan bertindak," katanya.